

Keligatan Bertempur: Sejarah Permainan dan Pembuatan Gasing Pangkah Pahang

Muhammad Hakim bin Yusnizam
Siti Shuhaina Binti Mohd Nazar
Mohd Shamsul Mohd Shoid

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM kampus Puncak Perdana Cawangan Selangor
Jalan Pulau Indah Au10/A Jalan Puncak Perdana, 40150 Shah Alam Selangor

ABSTRAK

Kedudukan seni warisan dan budaya di dalam negara kita semakin terhakis di mana ianya semakin dilupakan disebabkan peralihan zaman yang semakin menuju ke arah pemodenan. Warisan budaya perlu dipelihara agar ianya terus kekal untuk generasi akan datang. Kajian yang dijalankan di kampung FELDA Sungai Kemahal, Bera Pahang, telah merungkai beberapa perkara seperti kaedah pembuatan dan seni permainan gasing pangkah. Penyelidikan yang dijalankan melalui kaedah sejarah lisan ini dapat memperincikan juga cabaran yang dihadapi tokoh sepanjang tempoh kerjaya dalam memartabatkan warisan gasing pangkah pahang dan usaha-usaha dalam memelihara warisan ini

Kata kunci: Seni warisan dan budaya, gasing pangkah Pahang, permainan, pembuatan

ABSTRACT

The position of heritage and cultural arts in our country is increasingly eroded where it is increasingly forgotten due to the changing times that are increasingly heading towards modernization. Cultural heritage needs to be preserved so that it remains for future generations. The study conducted in the village of FELDA Sungai Kemahal, Bera Pahang, has dismantled several things such as the method of making and the art of cross-legged play. This research conducted through the

method of oral history can also detail the challenges faced by figures throughout the career period in upholding the heritage of the upper pahang pahang and efforts in preserving this heritage.

Keyword: *Heritage and cultural arts, Gasing Pangkah Pahang, Games, Making*

PENGENALAN

Dari segi maksud, warisan didefinisikan sebagai sesuatu perkara atau benda yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu atau dalam kata lain ianya merupakan sesuatu khazanah negara yang dimiliki oleh sesuatu kelompok dan menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga dan mengekalkannya sehingga kini. Warisan merupakan sesuatu yang penting dan menggalakkan kita untuk memeliharanya dari ditenggelam zaman. Warisan kita adalah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwarisi melalui kepercayaan, yang dijelmakan melalui objek budaya cara hidup. Hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat tersebut. Ia menggambarkan memori keseluruhan. Di Malaysia, nilai seni warisan semakin terhakis kerana terdapatnya perkembangan teknologi serta pengaruh budaya moden yang mana sekaligus meletakkan seni warisan di suatu posisi yang agak rapuh dan boleh dilupakan bila-bila masa sahaja sekiranya tidak didedahkan kepada orang ramai. Kita sedia maklum bahawa warisan dan budaya itu mempunyai nilainya yang tersendiri dan digalakkan untuk dipelihara. Oleh yang demikian, satu penyelidikan telah dilakukan bagi mengkaji dan mendalami sejarah disebalik seni warisan ini bagi menyingkap pelbagai perkara berkaitan seni dan warisan di Malaysia. Bagi membantu dalam menjayakan penyelidikan ini dan mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, dalam penyelidikan ini telah memilih salah seorang tokoh yang pakar dalam dunia seni warisan yang mana telah berkecimpung dalam dunia Pembuatan Gasing Pangkah Pahang sejak 40 tahun yang lalu. Tokoh tersebut dipilih kerana telah memenuhi kesemua kriteria yang telah ditetapkan.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menjalankan kajian mengenai Permainan Gasing Pangkah Pahang. Menurut sumber internet, Gasing Pangkah

dikategorikan sebagai salah satu permainan tradisional yang tertua kerana telah dimainkan sejak zaman dulu lagi di mana permainan ini merupakan permainan yang terkenal sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Di Pahang, permainan ini sangat terkenal semasa pemerintahan Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah (1863-1914) sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Mahmud. Ianya sangat terkenal dan kerap kali dimainkan oleh orang-orang Melayu pada waktu itu kerana ianya salah satu permainan yang menarik. Untuk dijadikan lebih menarik, menurut Abdul Rani Jemain (2020) tokoh yang di temubual dalam penyelidikan ini, permainan Gasing Pangkah Pahang kebiasaannya akan dimainkan setiap kali musim menuai iaitu ketika padi hendak memecah. Gasing merujuk kepada satu permainan yang dihasilkan daripada bongkah kayu dan mempunyai paksi dan diputarkan di atas tikar getah atau tanah dengan membaling dan menariknya menggunakan seutas tali. Di dalam era globalisasi ini, permainan dan pembuatan gasing pangkah kian dilupakan kerana dari segi pembuatan, ianya agak sukar kerana memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Hal ini demikian kerana, gasing yang dihasilkan hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan sekiranya terdapat sebarang kekurangan, gasing tersebut berkemungkinan tidak sempurna untuk dimainkan. Terdapat pelbagai keunikan Gasing Pangkah ini yang perlu diteroka. Oleh itu, pentingnya kajian ini dijalankan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada zaman yang serba maju ini, banyak pihak yang membahaskan tentang penerimaan orang ramai terhadap permainan tradisional seperti Gasing Pangkah dan sebagainya. Kedudukan seni warisan dalam kalangan masyarakat adalah membimbangkan pada akhir-akhir ini apabila penerimaan orang ramai terhadap seni warisan ini semakin merosot. Saban hari, permainan tradisional seperti Gasing Pangkah ini semakin dilupai kerana kewujudan dan nilai warisannya tidak diketengahkan dan diaplikasikan dalam masyarakat. Maka dengan itu, penyelidikan ini sangat penting bagi mengekang permasalahan tersebut. Dengan adanya penyelidikan ini, pelbagai persoalan mengenai seni warisan dan budaya akan dapat diselesaikan. Berpandukan kepada tajuk kajian

yang telah ditetapkan, penyelidikan ini telah mengenal pasti beberapa permasalahan kajian yang terdapat dalam penyelidikan ini.

Terdapat permasalahan kajian yang ingin diketengahkan di mana kurangnya pendedahan tentang permainan menarik ini. Campur tangan media dan kerajaan juga agak kurang dalam memperkenalkan permainan tradisi Gasing Pangkah. Hal demikian kerana, pihak media menganggap bahawa ilmu mengenai seni warisan ini kurang mendapat perhatian sekiranya dipertontonkan di media kerana orang ramai lebih memilih untuk mengetahui isu-isu terkini berbanding “permainan lapuk” ini. Keunikan permainan ini seharusnya ditonjolkan kepada dunia luar agar keunikannya dapat dirasai sendiri oleh mereka.

Selain itu, kekurangan tenaga pakar iaitu mereka yang mempunyai ilmu mengenai permainan dan pembuatan Gasing Pangkah. Dalam konteks ini, tenaga pengajar kebanyakannya adalah dalam kalangan mereka yang sudah berusia dan kuat seperti dahulu. Oleh itu, berlaku kekangan di mana tiada tenaga pengajar yang boleh mengajar para pelapis bagi memastikan legasi permainan itu masih wujud. Di samping itu, dari segi penghasilan Gasing Pangkah, kita juga kekurangan tenaga mahir yang mampu menghasilkan gasing untuk dimainkan. Hal ini menyebabkan tiada pelapis dalam dunia pembuatan Gasing Pangkah yang disebabkan oleh tiada pendedahan ilmu pembuatan kepada mereka. Pembuatan Gasing Pangkah tidak mudah seperti menghasilkan permainan tradisional yang lain kerana ianya memerlukan ilmu dan ketekunan yang tinggi bagi menghasilkan gasing yang sempurna.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai warisan dan budaya permainan ini, terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan sebelum kajian dijalankan. Objektif kajian sangat penting dalam memastikan apa yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini dapat dicapai. Selain itu, objektif penting untuk memastikan kajian yang dilakukan berlandaskan pada

landasan yang betul dan tidak lari daripada tujuan utama. Objektif-objektif yang dibina mestilah jelas dan mudah difahami bagi menunjukkan apa yang hendak disampaikan di dalam kajian. Soalan-soalan dibina berdasarkan ketiga-tiga objektif di mana soalan akan menjurus kepada sasaran. Antara tiga objektif dalam penyelidikan ini adalah seperti mengkaji latar belakang warisan Gasing Pangkah Pahang.

Bagi objektif pertama, ianya menjurus kepada latar belakang warisan Gasing Pangkah Pahang di mana mempunyai kaitan dengan sejarah penubuhan Gasing Pangkah Pahang di FELDA Sungai Kemahal dan sejarah berkaitan Gasing Pangkah. Objektif ini akan mendapatkan maklumat menyeluruh merangkumi maklumat asas sehingga ke maklumat yang lebih terperinci.

Objektif kedua adalah mengkaji kaedah yang digunakan dalam pembuatan dan permainan Gasing Pangkah Pahang. Bagi objektif kedua, ianya dibina bagi mendapatkan maklumat mengenai kaedah yang digunakan tokoh dalam penghasilan gasing dan kaedah permainan Gasing Pangkah.

Bagi objektif terakhir, ianya dibina bagi mendapatkan jawapan berkaitan cabaran dalam pembuatan dan permainan Gasing Pangkah. Apakah bentuk cabaran yang dihadapi serta langkah yang telah digunakan bagi mengatasi permasalahan tersebut.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan tajuk yang dikaji, penyelidikan ini telah menyenaraikan beberapa persoalan kajian yang digunakan bagi mencari jawapan yang dikehendaki. Persoalan kajian dibina berdasarkan objektif yang telah ditetapkan pada awal kajian. Persoalan penting bagi memastikan jawapan yang bakal diterima pada akhir kajian adalah menjawab kepada permasalahan.

Persoalan kajian terdiri daripada sejarah disebalik permainan dan pembuatan Gasing Pangkah Pahang. Penyelidikan ini menyelam dengan lebih dalam mengenai sejarah disebalik Gasing Pangkah yang dikatakan telah dimainkan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi.

Disamping itu, penyelidikan ini menyingkap tentang ilmu serta kaedah pembuatan gasing Pangkah. Adakah ianya sukar seperti yang diperkatakan oleh orang ramai? Apakah jenis-jenis bahan yang digunakan dalam pembuatan Gasing Pangkah Pahang. Penghasilan sebiji gasing bukanlah mudah seperti menghasilkan permainan lain. Hal ini demikian kerana, ianya memerlukan bahan yang betul dalam menghasilkan gasing yang sempurna. Penggunaan bahan yang betul akan menghasilkan produk akhir yang cantik dan berkualiti.

Persoalan kajian yang ketiga penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi dalam dunia permainan dan pembuatan. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pemain dan pembuat Gasing Pangkah. Kita sedar bahawa banyak cabaran yang perlu dilalui oleh seseorang atau sesebuah organisasi dalam memastikan seni warisan yang dibawa sentiasa meniti di bibir orang ramai agar ianya masih dianggap ‘laku’ untuk dimainkan.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Gasing merupakan salah seni warisan yang penting bagi sejarah warisan Malaysia kerana ianya mampu menyumbang kepada asal usul sesuatu budaya bagi sesebuah kaum. Hal yang demikian , kita sedia maklum bahawa permainan gasing merupakan permainan tradisional masyarakat melayu . Namun dengan memperkenalkan seni warisan kini terdapat juga masyarakat lain seperti cina dan india yang berminat bermain dengan gasing. Sesebuah budaya atau warisan itu akan dilupakan dan lenyap dengan cepat sekiranya tiada langkah-langkah untuk membantu kelangsungannya terutama di era arus pemodenan kini. Masyarakat yang kehilangan warisan dan budaya bukan sahaja mampu melenyapkan seni

warisan namun boleh mengugat identiti masyarakat itu sendiri. Di Malaysia di mana terdapat pelbagai kaum masyarakat seperti juga di negara-negara lain identiti masyarakat itu penting kerana apabila zaman yang semakin moden generasi baru bertanggungjawab untuk memperkenalkan budaya masyarakat agar dapat terus dikenalkan. Sebagai contoh permainan video dan sebagainya menjelaskan permainan tradisional seperti permainan gasing yang kurang mendapat perhatian golongan muda kini. Sudah tiada lagi golongan muda yang memainkan permainan tradisional yang mana semakin lama bakal menyebabkan seni warisan ini dilupakan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memelihara seni waisan gasing supaya tidak dilupakan kerana ia merupakan bukti sejarah budaya yang penting untuk memastikan generasi akan datang dapat mengenalinya

Terdapat beberapa kepentingan yang boleh diperolehi dari kajian seni warisan ini yang boleh memberi pengaruh pada negara,bangsa dan Masyarakat. Antara kelebihan yang kita boleh lihat adalah seni warisan gasing pangkah dapat diperkenalkan ke masyarakat luar sekaligus dapat mempromosikan budaya-budaya lain di negara kita. Berdasarkan kajian ini juga nama seni warisan gasing dapat diperkenalkan kepada generasi baru seterusnya dapat menambah minat mereka terhadap seni warisan ini. Kajian ini dapat mengumpulkan maklumat tentang seni warisan gasing dimana dapat membantu penyelidikan di masa hadapan dalam mengkaji warisan ini. Sebagai contoh kajian ini dapat memberi rujukan pada penyelidikan ini generasi baru akan datang tanpa perlu bermula mengumpulkan maklumat dari peringkat awal. Hal kerana segala rekod-rekod temubual dalam bentuk video serta audio akan disimpan. Rekod-rekod disimpan akan menjadi sumber yang generasi akan datang dapat mengkaji dengan lebih teliti kerana rekod ini boleh disimpan buat jangka masa yang lama. Segala maklumat yang dikumpulkan bertujuan untuk membantu penyelidikan ini masa depan dalam proses rujukan yang berkaitan dengan tajuk warisan gasing agar memperolehi maklumat yang tepat. Kajian ini penting untuk menyimpan maklumat dan merekodkan aktiviti penting warisan gasing untuk kegunaan akan datang dari segi permainan dan pembuatan gasing itu sendiri. Oleh itu, kajian ini penting kerana dapat menambahkan rekod-rekod dan sumber tentang seni warisan gasing yang ada untuk Sejarah Malaysia.

Selain itu, kepentingan kajian ini kepada negara adalah dari segi ekonomi. Hal ini kerana kekayaan seni warisan sesebuah negara dapat menarik minat pelancong luar ke negara kita. Oleh itu amat penting untuk memastikan seni warisan gasing ini diterapkan dalam diri rakyat Malaysia terutama golongan muda agar tidak tenggelam zaman. Hal ini demikian kerana, kelebihan seni warisan ini terutama bagi pembuat gasing warisan, mereka dapat menjana ekonomi dengan menjual gasing. Maka apabila seni gasing ini dilihat dapat memberi keuntungan maka ramai golongan muda ingin mempelajarinya seterusnya dapat mengelakkan dari seni warisan ini ditelan zaman. kaedah pembuatan gasing yang terdapat di dalam artikel ini dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari sesuatu perkara penting dalam seni pembuatan gasing. Seni warisan boleh dikatakan unik kerana ianya boleh menghubungkan sesuatu kaum masyarakat dengan masyarakat lain hanya dengan berkongsi permainan tradisional bersama-sama kita dapat mempelajari dan seterusnya menghormati budaya masyarakat lain. Dengan cara ini, maklumat dapat direkod dan disimpan seperti kaedah pembuatan gasing agar generasi akan datang dapat mewarisi ilmu pembuatan ini.

Disamping itu, kajian ini dapat meyumbang kepada keharmonian negara kerana dapat memperkenalkan warisan negara kepada pelbagai kaum. Permainan tradisional ini dapat meyaupadukan lagi masyarakat di negara. Hal ini kerana negara yang memimiliki kekayaan pelbagai kaum penting untuk memperkenalkan budaya masing-masing sebagai identiti sesebuah kaum itu. Melalui kajian ini Pelbagai kaum dapat mengenali seni permainan dan pembuatan gasing pangkah. Hal ini bukan sahaja dapat menambah minat orang luar untuk mengetahui tentang warisan malah dapat juga menggalakkan generasi muda untuk menjalankan pengajian tentang warisan ini. Hasilnya, sejarah lisan dapat mengurangkan jurang antara kaum di negara kita.

TINJAUAN LITERATUR

Warisan dan Budaya

Budaya bermaksud adalah warisan dari generasi ke generasi. Biasanya, warisan yang diwarisi mempunyai unsur budaya, seperti objek, karya seni, adat istiadat, pakaian tradisional, kearifan tempatan, dan banyak lagi. Selain itu, warisan juga dapat dibahagikan kepada makna yang lebih besar, termasuk tiga jenis warisan, iaitu warisan budaya, warisan berbakat dan warisan sejarah. Makna pewarisan dikatakan setara dengan istilah pewarisan. Makna warisan merangkumi aspek semula jadi dan budaya. Ia juga merupakan entiti politik, yang menjadi asas identiti kepada kumpulan besar seperti bangsa dan kaum. Pewarisan merujuk kepada pewarisan harta benda kepada individu atau ahli keluarga yang mempunyai pertalian rapat atau darah.

Gasing pangkah pahang

Sejak zaman Kesultanan Melaka, Gasing telah menjadi salah satu warisan tradisional permainan yang terkenal, ia merupakan permainan yang sering dimainkan oleh orang Melayu. Ramai mengenali nama permainan ini kerana ianya diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Berdasarkan pernyataan berikut, gasing didefinisikan sebagai permainan yang diperbuat daripada kayu dan diimbangkan pada satu titik. Di Pahang, sejak pemerintahan Sultan Ahmed Al Mudzam Shah (1863-1914) hingga pemerintahan puteranya Sultan Mahmud (Sultan Mahmud), permainan gasing sangat popular. Permainan ini sangat popular terutama di Pahang hingga nama permainan ini dipanggil Gasing Pangkah Pahang dan masih aktif sehingga kini.

Menurut (Puspitasari Bias di dalam penulisannya iaitu *Permainan Gasing Pangkah Sebagai Daya Tarikan Budaya Di Pahang Malaysia,2018*), Gasing Pangkah Pahang telah menjadi permainan tradisional Melayu sejak itu. Biasanya permainan ini dimainkan setelah musim menuai padi. Selain itu, permainan Gasing

Pangkah juga digunakan sebagai alat pertandingan antara kampung, dan pemenang akan dinilai mengikut tempoh putaran. Menurut beliau, bahagian gasing diperbuat daripada kayu yang berkualiti tinggi seperti Kemuning, Merbau, Rambai Durian, Merbau, Bakau, Kempas, Sepan, Lubnan Tanduk dan Kundang. Kayu akan dibentuk dan diukir menjadi gasing dan akhir sekali diletak penutup kepala gasing. Seiring dengan perubahan zaman, permainan dan pembuatan seni gasing ini sering dilupakan oleh masyarakat, dan golongan muda yang semakin kurang tertarik dalam hal ini. Namun terdapat inovasi terhadap gasing yang dilakukan dimana Gasing di inovasikan kepada pelbagai bentuk. Walaupun gasing ini tidak dapat bertanding namun boleh untuk dijadikan bahan hiasan dan pameran.

Menurut (Bias Puspitasari, 2018) berkaitan asal-usul Gasing Pangkah Pahang, terdapat beberapa pandangan dimana permainan ini diinspirasikan dari permainan pertempuran telur dimana disesuaikan dengan kayu yang berbentuk seperti telur dan diletakkan besi pada bahagian bawah gasing. Besi tersebut dibentuk seperti paku supaya dapat diputar untuk waktu yang lebih lama. Buah Perepat (*Sonneratia alba*) juga dikatakan mempunyai sejarah asal usul gasing kerana berbentuk bulat, rata, licin dan mudah dipusingkan di lantai rata. Dilihamkan oleh permain terdahulu gasing dicipta atas insirasi iaitu mengikat peralatan dengan tali, kemudian dilemparkan ke objek yang akan dipangkah. Semasa melempar gasing, bahagian atas akan berputar dengan sangat pantas dan disokong dengan paku di bahagian bawah untuk membuatkan gasing berputar lama dan mencapai sasaran. Bahagian atasnya diperbuat daripada bahan kayu yang telah dibentuk dan di dalam proses pembuatan penutup atas. Terdapat 3 bahagian penting yang perlu ada pada Gasing iaitu kepala, badan dan kaki.

Peraturan Permainan Gasing

Menurut (Peraturan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan , 1999) peraturan permainan sukan gasing di Malaysia banyak uri , mengatakan bahawa ukuran lilitan setiap gasing mesti diambil sebelum dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini. Lilitan pertandingan orang dewasa diukur dari minimum 36 cm

hingga maksimum 46 cm, untuk remaja dari minimum 36 cm hingga maksimum 46 cm, dan untuk anak-anak, maksimum 36 cm dan maksimum 34 cm. Panjangnya tidak melebihi 0.5 cm. Permainan gasing juga, mempunyai sistem yang memerlukan satu pasukan. Dalam permainan, satu pasukan dibentuk dan digilir. Satu pasukan terdiri daripada 8 orang pemain dan 2 orang pemain simpanan untuk membentuk 2 pasukan tetap. Satu pasukan terdiri daripada 4 orang pemain dan seorang pemain simpanan. Tiap-tiap pemain dibenarkan bermain hanya dalam kategori dan kumpulannya sahaja. Pemain simpanan boleh bermain bagi menggantikan rakan yang keluar sekiranya pemain yang telah keluar tidak masuk semula menyebabkan pasukannya kekurangan ahli selepas pengadilan arahkan. Sesuatu pertandingan diperuntukan masa selama 30 minit.

Langkah Permainan Gasing

Menurut artikel (*Peraturan Permainan Gasing Banyak Uri, 1999*) langkah pertama untuk bermain gasing ialah dengan Melilit gasing dengan tali yang berukuran 3-5 m. Tali panjang memanjang ke tangan di bahagian kanan dan kemudian membalut jari. Selepas itu, letakkan hujung tali di bahagian bawah gasing sambil memegang bahagian atas dan lilitkan sehingga separuh bahagian gasing ditutup. Langkah yang kedua pula ialah dengan menarik tali yang menutup bahagian gasing semasa melempar ke belakang untuk memutarnya. Sebelum melempar gasing kedudukan badan permain tidak boleh tegak, ia harus dibengkokkan kira-kira 45 derjah, dan kedudukan badan harus berada dalam keadaan postur yang selesa untuk melempar, dan tangan permain harus ditarik sedikit kuat sehingga gasing dapat berpusing untuk jangka masa yang panjang. Langkah ketiga ialah kaedah memindahkan gasing yang berputar ke kedudukan lain untuk memastikan ia berputar dengan lebih lama. Gunakan tali atas untuk meletakkannya di bawah bahagian gasing yang berputar dan angkat perlahan ke kedudukan yang lebih stabil. Akhir sekali ialah langkah untuk memangkah gasing. Langkah ini digunakan dalam pertandingan yang memenuhi syarat untuk menumbangkan gasing pihak lawan yang berpusing. Kumpulan pemain dengan skor tertinggi adalah kumpulan yang berjaya memangkah gasing lawan paling banyak.

METODOLOGI

Kaedah pertama yang dijalankan ialah kaedah secara lisan. Kaedah ini memerlukan untuk menemubual seorang pembuat gasing serta merupakan pemain gasing dari negeri Pahang ,tokoh yang telah dipilih bagi kaedah ini ialah Encik Abdul Rani Jemain . Kaedah ini dipilih untuk mengumpulkan data maklumat bagi kajian penyelidikan ini. Semasa temu bual dijalankan tokoh menjawab beberapa soalan yang telah disediakan . Antara soalan yang ditanya sewaktu temu bual adalah seperti latar belakang tokoh, pengalaman tokoh serta ilmu tokoh dari segi permainan dan pembuatan gasing pangkah. Kajian ini menjalankan temubual melalui Platform google meet dan bersemuka . Temubual di dalam kajian ini yang dijalankan pada 12 Disember 2020 berjaya dirakam seluruh sesi . Oleh keadaan pandemik pada waktu itu terdapat kesukaran untuk merentas negeri menyebabkan platform google meet dipilih. Atas persetujuan beliau temu bual dijalankan menggunakan kaedah *Google Meet*.

Kaedah kedua ialah rujukan daripada bahan internet. Maklumat dikumpulkan daripada beberapa laman web seperti blog dan artikel mengenai gasing pangkah. Data yang telah dikumpulkan dan disahkan melalui kaedah analisis dokumen. Melalui kaedah ini dapat mengesahkan data yang dipelajari adalah sahih tentang sejarah warisan gasing di kampung FELDA Sungai Kemahal. Di samping itu juga adalah analisis dokumen, Bahan yang digunakan diperolehi daripada sumber arkib. Tujuan utama mendapatkan bahan arkib ialah untuk menguatkan lagi maklumat yang terdapat dari artikel ini. Hal ini juga untuk membuktikan kesahihan maklumat yang diperolehi semasa temubual bersama tokoh dan juga data yang dikumpul.

Peserta Kajian

Peserta atau tokoh yang mengambil bahagian dalam kajian projek sejarah lisan ini dipilih kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan sepanjang kajian ini.

Peserta tersebut dipilih oleh kerana beliau merupakan seorang pembuat gasing yang terkenal di Pahang iaitu Encik Abdul Rani Jemain. Beliau juga dikenali sebagai Tok Dollah, berumur 71 tahun. beliau aktif dalam dunia seni permainan dan pembuatan gasing pada tahun 1970, ketika beliau baru berusia 21 tahun, dan mula mengambil bahagian dalam pertandingan gasing (Pahang), sebelum gelanggang ditubuhkan di sini lagi pada tahun 1985. Pencapaianannya termasuk mewakili kampung dan negeri di Pahang. Beliau dan pasukannya juga berjaya menaikkan nama kampung ke tahap yang lebih tinggi, di mana mereka mengambil bahagian dalam pertandingan di luar negeri di Brunei. Selain bermain dan membuat gasing, beliau juga mempunyai kepakaran dalam pembuatan tali gasing. Beliau juga membantu membangun gelanggang di sini dan membantu melatih generasi muda di kampung ini bermain dan membuat gasing.

HASIL KAJIAN

Sejarah Permainan dan pembuatan Gasing Pangkah

Gasing merujuk kepada satu permainan yang dihasilkan daripada bongkah kayu dan mempunyai paksi dan diputarkan di atas tikar getah atau tanah dengan membaling dan menariknya menggunakan seutas tali. Gasing Pangkah dikategorikan sebagai salah satu permainan tradisional yang tertua kerana telah dimainkan sejak zaman dahulu lagi dimana permainan ini merupakan permainan yang terkenal sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Di Pahang, permainan ini sangat terkenal semasa pemerintahan Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah (1863-1914) sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Mahmud. Ianya sangat terkenal dan kerap kali dimainkan oleh orang-orang Melayu pada waktu itu kerana ianya salah satu permainan yang menarik. Untuk dijadikan lebih menarik, menurut Abdul Rani Jemain, permainan Gasing Pangkah Pahang kebiasaannya akan dimainkan setiap kali musim menuai iaitu ketika padi hendak memecah. Selain itu, hasil daripada kajian mendapati bahawa gasing pada awalnya diinspirasikan daripada satu permainan yang dinamakan pertempuran telur. Pertandingan itu mengilhamkan bentuk gasing yang berupa sebiji telur yang diperbuat daripada kayu dan mempunyai paku pada bahagian bawahnya. Berkait rapat dengan sejarah juga, dikatakan terdapat satu jenis buah yang dinamakan

sebagai buat Perepat atau nama saintifiknya *Sonneratia alba* yang mempunyai kaitan sejarah awal gasing. Hal ini kerana, rupa buah Perepat yang berbentuk bulat, licin dan mudah untuk dipusingkan di atas tanah.

Kaedah permainan dan pembuatan Gasing Pangkah Pahang

a) Kaedah Permainan Gasing Pangkah

Hasil daripada penyelidikan ini mendapati terdapat beberapa langkah dalam permainan Gasing Pangkah. Langkah pertama untuk bermain gasing ialah dengan melilit gasing dengan tali yang berukuran 3-5 m. Tali panjang memanjang ke tangan di bahagian kanan dan kemudian membalut jari. Selepas itu, letakkan hujung tali di bahagian bawah gasing sambil memegang bahagian atas dan lilitkan sehingga separuh bahagian gasing ditutup. Langkah yang kedua pula ialah dengan menarik tali yang menutup bahagian gasing semasa melempar ke belakang untuk memutarnya. Sebelum melempar gasing kedudukan badan permain tidak boleh tegak, ia harus dibengkokkan kira-kira 45 derjah, dan kedudukan badan harus berada dalam keadaan postur yang selesa untuk melempar, dan tangan permain harus ditarik sedikit kuat sehingga gasing dapat berpusing untuk jangka masa yang panjang. Langkah ketiga ialah kaedah memindahkan gasing yang berputar ke kedudukan lain untuk memastikan ia berputar dengan lebih lama. Gunakan tali atas untuk meletakkannya di bawah bahagian gasing yang berputar dan angkat perlahan ke kedudukan yang lebih stabil. Akhir sekali ialah langkah untuk memangkah gasing Langkah ini digunakan dalam pertandingan yang memenuhi syarat untuk menumbangkan gasing pihak lawan yang berpusing. Kumpulan pemain dengan skor tertinggi adalah kumpulan yang berjaya memangkah gasing lawan paling banyak.

b) Cara Memangkah Gasing

Aksi memangkah gasing adalah salah satu perkara yang disuka oleh para pemangkah dimana mereka dapat menunjukkan aksi memangkah gasing uri semasa dalam perlawanan. Pemangkahan gasing dilakukan dengan cara memangkah bahagian badan dan kepala gasing. Semasa ingin memangkah gasing, badan pemain hendaklah berada dalam Kawasan memangkah dengan posisi memegang gasing pangkah secara menegak iaitu bahagian kepala gasing tersebut berada di atas dan diangkat tinggi pada ketinggian yang bersesuaian bagi si pemangkah. Setelah gasing uri disasarkan, tangan dihayun untuk melepaskan gasing pangkah tersebut. Pemangkahan yang betul akan menghasilkan uri yang ligat serta dapat mematikan gasing uri daripada terus berpusing. Di dalam permainan Gasing, terdapat pelbagai jenis cara pemangkahan gasing dan antaranya ialah pangkah hentak, pangkah totok, pangkah layang, dan pangkah terbang.

c) Kaedah Pembuatan Gasing Pangkah

Pada kebiasaananya, mereka mempunyai 2 jenis Gasing iaitu gasing untuk memangkah dan satu lagi adalah gasing untuk memusing. Gasing pusing dipanggil gasing “uri” yang membawa maksud “berputar”, hal ini demikian kerana gasing pusing yang telah dipangkah dan masih berpusing akan dipanggil “uri” yang menandakan bahawa gasing tersebut masih berpusing. Pembuatan 2 jenis gasing ini adalah berbeza seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rani Jemain dimana gasing pangkah mempunyai saiz yang sedikit bulat manakala gasing pusing mempunyai bentuk badan yang sedikit leper. Kedua-dua gasing ini senang untuk dibezakan kerana bentuk dan rupa kedua-dua gasing ini sangat berbeza. Dalam menghasilkan gasing yang berkualiti, pemilihan kayu adalah sangat penting dimana kayu yang bagus untuk gasing adalah yang mempunyai struktur yang keras. Hal ini demikian kerana, kayu yang bagus akan menghasilkan gasing yang lebih tahan dimana apabila dipangkah oleh pihak lawan, gasing tersebut hanya akan pecah sedikit sahaja. Gasing yang berkualiti boleh bertahan sehingga

beberapa tahun bergantung pada kekerapan ianya dimainkan. Selain itu, gasing juga dikatakan lebih tahan sekiranya mempunyai urat kayu yang besar. Antara kayu-kayu yang sering dijadikan gasing adalah seperti Merbau (*sympetalandra borneensis*), Tualang(*Koompassia excelsa*) , Bakau (*Avicennia spp*) dan sebagainya yang mempunyai struktur keras. Terdapat dua jenis cara pembuatan gasing iaitu secara tradisional(*manual*) dan secara auto akan tetapi pembuatan gasing secara manual telah kurang digunakan kerana memerlukan masa dan proses yang lama untuk menghasilkan sebiji gasing. Oleh itu, lebih ramai membuat gasing sekarang lebih gemar menggunakan mesin untuk membuat gasing kerana ianya bukan sahaja cepat,malah dapat menjimatkan masa. Selain itu, dalam pembuatan gasing, aspek ketelitian sangat dititikberatkan kerana gasing yang digunakan di dalam pertandingan perlulah mematuhi syarat-syarat dimana berat dan lebar gasing mestilah mengikut standard yang telah ditetapkan dan sekiranya berat gasing tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan, gasing tidak boleh diguna pakai semasa pertandingan dijalankan. Berat yang telah ditetapkan adalah 600gram bagi kanak-kanak dan 800 gram bagi dewasa.(Zahana Bidin dan Haris, 1999).

Cabaran dalam pembuatan dan permainan Gasing

Berdasarkan temubual yang dilakukan, penyelidikan ini dapat menekankan beberapa cabaran berkaitan pembuatan gasing pangkah dan diantaranya ialah mengenai ketelitian semasa membuat gasing. Menurut Abdul Rani Jemain, gasing yang dihasilkan mestilah dilarik dengan betul dan teliti. Bagi menghasilkan satu biji gasing, ketelitian menjadi aspek utama dalam pembikinan. Gasing tidak boleh dihasilkan dengan terlalu gopoh gapah kerana dikhuatiri akan berlaku kesilapan. Proses penghasilan gasing juga agak lekeh. Oleh itu, kesabaran dan ketelitian adalah sangat penting. Cabaran kedua adalah dalam mendapatkan kayu. Hal yang demikian kerana, kayu yang sesuai untuk dijadikan gasing adalah kayu yang berusia 20 tahu ke atas dimana ianya mempunyai struktur kayu yang keras. Manakala, daripada segi cabaran permainan yang paling ketara dilihat adalah daripada segi nilai komersialnya. Gasing merupakan salah satu permainan

tradisional yang semakin tenggelam zaman. Orang ramai menganggap bahawa permainan ini tidak terkenal dan tidak membawa keuntungan kepada pemainnya. Selain itu, cabaran lain dalam permainan gasing adalah daripada segi pemainnya. Kekurangan barisan pelapis yang berminat untuk menceburi bidang ini dan sekiranya masih ada, bilangannya tidak mencukupi untuk membentuk 1 regu. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan hujahan Abdul Rani jemain yang mengatakan bahawa kekurangan tenaga pakar yang berpengalaman untuk membangunkan permainan Gasing. Ianya berkait rapat dimana tenaga pengajar diperlukan bagi mengajar para pelapis untuk terus memainkan permain tradisional ini. Mereka juga berperanan sebagai penarik minat golongan muda untuk berkecimpung dalam seni permainan dan pembuatan Gasing. Penggunaan medium yang betul akan dapat menarik minat golongan muda untuk turut serta menghidupkan permainan ini. Akhir sekali, cabaran lain yang seringkali berlaku adalah kemajuan dan permodenan. Pelbagai produk elektronik atau gajet masa kini yang menawarkan permainan video dan sosial media tanpa had kepada orang ramai. Perkara ini membimbangkan kerana mereka tidak lagi mengenali permainan tradisional seperti Gasing Pangkah. Isu ini juga memberi kesan yang sama kepada permainan tradisional yang lain seperti Congkak, Batu Seremban dan Wau. Perkembangan teknologi menjadikan orang ramai lebih tertarik kepada permainan video berbanding permainan tradisional.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan memperkenalkan seni warisan gasing pangkah Pahang. Kajian ini telah memenuhi setiap objektif kajian dijalankan. Kajian ini berjaya mengenalpasti pembuatan gasing di mana penyelidikan berjaya mendapatkan maklumat dari tokoh dan kajian literatur. Dalam kajian ini juga dapat mempelajari sejarah penubuhan gelanggang gasing di Kampung Kemahal. Pengalaman tokoh sepanjang penglibatan dalam gelanggang gasing di kampung tersebut membantu memberikan maklumat tentang aktiviti gasing di situ. Segala informasi yang dikongsi oleh tokoh juga dirakam bagi membolehkan seni gasing ini dikenali agar warisan ini terus wujud untuk dipelajari oleh generasi akan datang. penyelidikan ini juga telah berjaya mengenalpasti cabaran yang dihadapi

oleh kebanyakan pembuat gasing daripada sesi temubual bersama tokoh yang menceritakan pengalaman sepanjang penglibatan beliau dalam dunia warisan itu, Secara menyeluruh, kajian ini diharap dapat membuka mata masyarakat untuk lebih mengenal seni warisan gasing ini kerana ia dapat menjadi lambang identiti masyarakat terdahulu. Seni gasing juga dapat memperkenalkan budaya masyarakat serta asal usul sesebuah kaum. Kajian ini membuktikan bahawa masih ada golongan masyarakat yang mempraktikkan seni warisan gasing seperti masyarakat di Kampung FELDA Sungai Kemahal. Melalui kajian ini juga ini diharap agar lebih ramai golongan muda untuk menyertai persatuan gasing serta menyokong seni warisan negara kita .

RUJUKAN

Abdul Rani Bin Jemain. Galeri. (N.D.). Retrieved January 16, 2021, From <Https://Artofgasing.Weebly.Com/Galeri.Html>

Peraturan Permainan Gasing Banyak Uri - Kkmm.Gov.My. (N.D.). Retrieved January 16, 2021, From Https://Kkmm.Gov.My/Pdf/Buku/Gasing_Banyak_Uri.Pdf

Permainan Gasing Pangkah.Pdf - Foreign Case Study 2018 Sekolah Tinggi Pariwasata Ambarrukmo Yogyakarta Permainan Gasing Pangkah Sebagai Daya Tarik: Course Hero. (2021, January 08). Retrieved January 16, 2021, From <Https://Www.Coursehero.Com/File/77492253/Permainan-Gasing-Pangkahpdf/>

Leman, N. (2016, September 21). Permainan Gasing Perlu Disemarakkan. Retrieved January 16, 2021, From <Https://Www.Bharian.Com.My/Bhplus-Old/2016/09/194931/Permainan-Gasingperlu-Disemarakkan>